

Titik hujung benua Asia terancam

[FOTO IHSAN IRDA]

➔ Tanjung Piai berdepan masalah hakisan serius sejak 15 tahun lalu

Oleh Zuraidah Mohamed
zmohamed@bh.com.my

► Pontian

Pesisiran pantai daerah ini khususnya Tanjung Piai yang menjadi tarikan pelancong seluruh dunia kerana menempatkan titik penghujung benua Asia, kini berdepan ancaman hakisan hingga mencapai jarak lapan meter setiap tahun.

Hakisan pantai itu yang bermula 1970-an itu, dikatakan semakin serius sejak 15 tahun lalu apabila jarak hakisan kian ketara disebabkan pelbagai faktor, termasuk lalu lintas kapal dagang yang semakin bertambah di Selat Melaka.

Hakisan berlaku sepanjang 10 kilometer bermula dari pantai yang menempatkan glob mercu tanda Tanjung Piai sebagai penghujung tanah besar Asia hingga ke kawasan Kukup, dengan keadaan lebih serius di kawasan timur (Kukup) berbanding barat (Selat Melaka).

Jurutera Projek Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Johor, Arshad Sardi, berkata Tanjung Piai adalah pertemuan tiga arus iaitu Selat Johor, Selat Melaka dan Selat Singapura, selain diiktiraf tanah lembap berkepentingan antarabangsa serta Tapak Ramsar pada 31 Januari 2003.

Kurangkan hakisan

“Menerusi pembinaan tebing pemecah ombak, kami berharap ia mengurangkan tekanan ombak memukul pesisir pantai dengan sasaran hakisan yang berlaku boleh dikurangkan kepada sekurang-kurangnya empat meter setahun.

“Hakisan semakin kritikal kerana banyak pokok paya bakau yang musnah di kawasan itu, selain laluan dan kegiatan perkapalan, mempercepatkan hakisan.

“Walaupun banyak usaha dilaksanakan termasuk program kesedaran pembersihan dan memu-

ngut sampah, namun tidak berjaya untuk membolehkan pokok paya bakau tumbuh secara semula jadi,” katanya.

Babit kos RM100 juta

Sementara itu, Pesuruhjaya Persekutuan Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA), Mohamad Sa'elal, berkata projek pemecah ombak bagi mengurangkan hakisan persisiran pantai Tanjung Piai itu memabitkan kos keseluruhan berjumlah kira-kira RM100 juta.

Beliau berkata, projek terbahagi kepada dua pakej dengan Pakej 1 memabitkan pembinaan Lapis-Lindung sepanjang 575 meter dan pemecah ombak D sepanjang 970 meter.

“Pakej 2 pula adalah Pemecah Ombak A (800m), Pemecah Ombak B (800m) dan Pemecah Ombak C (800m). Pakej 1 bermula pada Julai 2014 dan siap pada awal Januari lalu. Pakej 2 bermula pada Januari tahun ini dan dijangkakan siap Disember ini,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Kejuruteraan Pantai dan Lautan (COEI) Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Ahmad Khairi Abd Wahab, berkata penggunaan kaedah pemecah ombak luar pantai dilihat langkah paling sesuai mengurangkan kadar hakisan kerana mampu mengekalkan keadaan semula jadi pantai walaupun kosnya agak tinggi.

Katanya, berdasarkan kajian, hakisan Tanjung Piai berlaku sejak 1966 yang menyebabkan perubahan pada garis pantai dengan anggaran purata lebih lapan meter setahun.


“Hakisan ini berlaku apabila bahan sedimen pantai iaitu pasir atau lumpur dihanyutkan ke bahagian lain garisan pantai oleh tenaga ombak dan arus. Ia adalah proses semula jadi yang berlaku selagi ada pergerakan dan interaksi angin, ombak dan arus dengan garis pantai.

“Teknik ini sesuai jika ingin memelihara keadaan semula jadi pantai dengan mengekalkan permukaan berpasir dan ia digunakan secara meluas kebanyakan negara seperti Singapura,” katanya.

Ahmad Khairi berkata, kaedah pembinaan benteng ombak di sepanjang pantai menggunakan batu dan konkrit juga berkesan namun boleh menyebabkan kehilangan nilai atau keadaan semula jadi pantai.

Perubahan G pantai ai

2007
2005
1998
1996
1989
1974
1966



Grafik menunjukkan pesisir pantai Tanjung Piai yang diancam hakisan.




Penggunaan kaedah pemecah ombak luar pantai dilihat langkah paling sesuai mengurangkan kadar hakisan kerana mampu mengekalkan keadaan semula jadi pantai walaupun kosnya agak tinggi”

Ahmad Khairi Abd Wahab,
Pengarah Pusat Kejuruteraan
Pantai dan Lautan (COEI)
Universiti Teknologi Malaysia



BH PLUS
di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video



Keadaan pesisir pantai Taman Negara Tanjung Piai yang diancam hakisan.